Hal ehwal Islam: Kaum lain boleh tulis tanya MKI jika ada kemusykilan - PM

PETALING JAYA: Orang bukan Islam boleh menulis kepada Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) sekiranya terdapat sebarang kemusykilan selain boleh mengelak sebarang kekeliruan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, ia juga untuk meleraikan sebarang kekusutan dalam suasana yang harmoni dan beradab.

Katanya, beliau mendukung penuh titah Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah yang mengingatkan orang bukan Islam agar menghormati dan tidak mencampuri urusan berkaitan hal ehwal Agama Islam di Malaysia.

"Namun, sekiranya terdapat sebarang kemusykilan dan bagi mengelak sebarang kekeliruan, pihak bukan Islam boleh menulis kepada MKI untuk meleraikan sebarang kekusutan dalam suasana yang harmoni dan beradab," katanya dalam kenyataan semalam.

Semalam, Sultan Selangor mengingatkan semua rakyat Malaysia khususnya mereka yang bukan beragama Islam supaya menghormati dan tidak mencampuri urusan berkaitan hal ehwal Agama Islam di Malaysia.

Baginda merujuk cadangan Ahli Parlimen Beruas, Datuk Ngeh Koo Ham yang menyarankan kerajaan agar melantik pakar daripada masyarakat bukan Islam untuk membantu Jawatankuasa Khas Mengkaji Kompetensi Dewan Undangan Negeri (DUN) Untuk Menggubal Undang-Undang Islam, yang ditubuhkan awal bulan ini.

Justeru, baginda mengharapkan agar orang-orang politik khususnya yang bukan beragama Islam untuk tidak terus-menerus mencampuri urusan hal ehwal Agama Islam.

Malah titah baginda, penganut agama-agama lain seharusnya mencontohi umat Islam yang tidak mencampuri hal ehwal agama lain di Malaysia.